


Najib perlu bayar LHDN RM1.69 bilion



Najib Razak

Keputusan penghakiman terus berpandangan penalti terhadap defendan hendaklah dibenarkan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak perlu membayar tunggakan cukai pendapatan tambahan dan penalti, berjumlah RM1.69 bilion bagi Tahun Taksiran 2011 hingga 2017 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ahmad Bache yang membuat keputusan penghakiman terus itu, berkata mahkamah juga berpandangan penalti dikenakan oleh LHDN kepada Najib selaku defendan, hendaklah dibenarkan.

Penghakiman terus ialah apabila mahkamah memutuskan kes tertentu melalui hujahan tanpa mendengar keterangan saksi dalam percaraan.

Ahmad berkata, ia adalah adil kerana jika pembayar cukai lain dikenakan penalti jika lewat membayar tunggakan, Najib selaku bekas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, juga tertakluk kepada peruntukan sama ke-

rana semua pembayar cukai adalah sama di sisi undang-undang.

Katanya, apabila defendan diserahkan dengan Notis Taksiran oleh LHDN, mahkamah dalam prosiding sivil, tiada kuasa untuk mendengar rayuan bahawa jumlah itu adalah melampau dan tidak ditaksir dengan betul.

"Mahkamah ini menyatakan merit taksiran itu, yang memabatkan persoalan fakta hendaklah didengar oleh Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan (SCIT) kerana mahkamah bukan forum yang sesuai untuk menentukannya.

"Seksyen 99, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ITA) dengan jelas menyatakan bahawa jika seseorang itu tidak berpuas hati dengan taksiran, beliau boleh merayu kepada SCIT dan dalam kes ini, ia sudah dilakukan defendan.

"Dengan alasan ini, mahkamah memutuskan bahawa berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 106 ITA, cukai penda-

patan tambahan yang dikenakan ini perlu dibayar iaitu sebagai hutang kepada kerajaan," katanya.

Ahmad berkata demikian ketika membenarkan permohonan LHDN mendapatkan penghakiman terus dalam kes saman dikemukakannya terhadap Najib bagi menuntut tunggakan cukai itu.

Beliau berkata, penghakiman Mahkamah Persekutuan bahawa pembayar cukai perlu 'bayar dulu, bincang kemudian' walaupun kedengaran agak kejam tetapi ia adalah hasrat penggubal undang-undang kerana banyak kejadian mengelak cukai berlaku di negara ini.

Katanya, mahkamah berpandangan bahawa tidak ada sebarang peruntukan yang boleh menyokong hujahan bahawa Seksyen 106 ITA merampas kuasa kehakiman mahkamah.

Mengikut Seksyen 106, dalam mana-mana prosiding mengikut seksyen berkenaan, mahkamah tidak perlu mendengar rayuan mengenai jumlah yang dikatakan melampau, bahawa jumlah taksiran sedang dalam peringkat rayuan atau jumlah ditaksir dengan tidak betul.

BH - 23/7/2020 m/s: 14



"Oleh itu, tiada sebarang isu yang boleh dibicarakan bagi mahkamah membenarkan percaraan penuh. Dengan itu, mahkamah tiada alternatif, selain membenarkan penghakiman terus terhadap defendan bagi jumlah dituntut plaintif," katanya.

Sementara itu, peguam Muhammad Farhan Muhammad Shafee, yang mewakili Najib ketika ditemui selepas prosiding, berkata pihaknya akan memfailkan permohonan menangguhkan pelaksanaan keputusan itu.

Melalui saman difailkan pada 25 Jun tahun lalu, LHDN menuntut Najib membayar RM1,692,872,924.83, faedah atas jumlah itu pada kadar lima peratus setahun dari tarikh penghakiman sehingga kes selesai, kos dan apa-apa relif yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Dalam pernyataan tuntutan, LHDN berkata, bagi Tahun-Tahun Taksiran 2011 hingga 2017, defendan ditaksirkan dengan Taksiran Tambahan yang masing-masing berjumlah RM116,173,374.12; RM320,929,932.31; RM891,573,465.46; RM119,144,655.51; RM16,879,500.03; RM643,445.21 dan RM346,471.41 melalui Notis Taksiran (Tambahan).